

# SPRM nafi panggil 50 pekebun

SPRM telah buka kertas siasatan namun belum panggil pekebun durian di Raub

**KUALA LUMPUR**

**S**uruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

**ISU PEKEBUN  
DURIAN HARAM  
DI RAUB**

menafikan memanggil seramai 50 pekebun berhubung isu pencerobohan tanah kerajaan negeri yang dijadikan ladang durian haram di Raub, Pahang.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki berkata, SPRM tidak pernah memanggil mana-mana pekebun untuk siasatan kes berkenaan.

“Apa yang saya boleh sahkan setakat ini, SPRM telah

membuka kertas berhubung siasatan kes itu,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Forum Korporat Liabiliti di sini semalam.

Azam berkata, pihaknya akan melihat kes berkenaan jika ada isu lain berhubung rasuah dan salah guna kuasa penerokaan tanah haram itu.

Sebelum ini, media melaporkan Azam mengarahkan SPRM Pahang mendapatkan maklumat lanjut daripada Pejabat Daerah dan Tanah Raub serta Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang berhubung pencerobohan tanah kerajaan negeri itu.

Pada 1 Ogos lalu, kerajaan Pahang mula bertindak tegas dalam menangani kegiatan pengusaha kebun durian di Raub yang diusahakan secara haram di tanah kerajaan negeri.

Dalam perkembangan lain,

Azam berkata, SPRM juga telah membuka kertas siasatan kes pencemaran Sungai Gong, Rawang.

“Kami sedang melihat beberapa isu di bawah bidang kuasa kami dan saya ingin menyatakan bahawa bukan sahaja SPRM yang siasat kes ini, malah polis serta pihak berkuasa lain turut menjalankan siasatan,” katanya.

Sebelum ini, kilang yang disyaki terbabit dalam kejadian pencemaran sumber air sungai berkenaan didapati beroperasi tanpa lesen sejak tahun 2014.

Dalam kejadian itu, kira-kira lima juta penduduk Lembah Klang dan Selangor mengalami gangguan bekalan air



**AZAM BAKI**

tidak berjadual ekoran pencemaran minyak yang didakwa dilepaskan daripada kilang terbabit sehingga menyebabkan Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 dan Rantau Panjang dihenti tugas.

Dalam pada itu, mengulas mengenai laporan parti Bumi-putera Perkasa Malaysia (Putra) kepada

SPRM berhubung isu pemberian tanah seluas 1,200 hektar di Perak yang didakwa mempunyai unsur rasuah, Azam berkata, pihaknya juga telah membuka kertas siasatan kes berkenaan.

“Kes berkenaan sedang disiasat oleh SPRM maka saya tidak boleh mengulas lebih lanjut kerana ia masih dalam siasatan,” katanya. - *Bernama*